

05/09/1999

Pembangkok tidak suka pemulihan ekonomi

PADA awal 1990-an, Kiau melawat Amerika Selatan buat kali pertama. Kiau pergi ke Chile dan Argentina untuk melapor lawatan Timbalan Perdana Menteri waktu itu, Tun Ghafar Baba.

Turut sama dalam lawatan itu ialah bekas Timbalan Perdana Menteri yang waktu itu Wakil Khas Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu, Tan Sri Musa Hitam.

Perjalanannya bukan main jauh. Kiau terbang dari Kuala Lumpur ke Tokyo, dari Tokyo ke Los Angeles, Los Angeles ke Miami, Miami ke Buenos Aires dan akhirnya barulah sampai ke Santiago, ibu negara Chile.

Waktu itu belum ada penerbangan di antara Kuala Lumpur dengan Buenos Aires melalui Cape Town di Afrika Selatan oleh Penerbangan Malaysia (MAS).

Ketika di Argentina, Kiau takjub melihat bagaimana ekonomi sebuah negara yang pada suatu ketika dulu sangat kuat kerana hasil pertanian, perlombongan dan perindustriannya boleh jadi begitu teruk.

Inflasinya lebih 2,000 peratus setahun dan nilai mata wangnya, peso, bertukar hingga tiga kali sehari. Setiap kali bertukar, nilainya jatuh.

Puncanya tidak lain dan tidak bukan disebabkan pemerintahan tentera dan awam yang mengamalkan rasuah dan pengurusan ekonomi yang lemah.

Kita semua maklum Argentina adalah antara negara pertanian terkaya di dunia sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Kita belajar Ilmu Alam mengenai padang rumput pampas yang luas lagi subur dan penjaga lembunya yang dipanggil gaucho.

Walaupun kerajaannya rasuah dan tidak demokratik, ia tetap mendapat sokongan dan bantuan negara-negara Barat, khususnya Amerika Syarikat kerana ia penting dalam percaturan politik Perang Dingin.

Penyalahgunaan kuasa dan pengurusan ekonomi yang sangat lemah menyebabkan khazanah negara kering dan wang pencen rakyat digunakan.

Akibatnya, bagi menampung keperluan, kerajaan mencetak semakin banyak wang yang nilainya semakin rendah setiap kali cetakan baru dibuat. Sampai hari ini pun ekonomi Argentina belum pulih sepenuhnya dan bergantung kepada bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Kiau yakin pengalaman buruk Argentina dan negara-negara Amerika Selatan yang lain dalam pengurusan ekonomi dijadikan sempadan oleh kerajaan kita. Sebab itulah seburuk mana pun kegawatan ekonomi kita, ia tidak seburuk yang dialami oleh Argentina dan banyak negara lain.

Namun, ini tidak menghalang parti-parti pembangkang dan konco-konco mereka melemparkan bermacam-macam tuduhan mengenai cara kerajaan menangani krisis ekonomi.

Sama ada kerana jahil atau sengaja memutarbelitkan hakikat, mereka tidak mengakui bahawa kaedah kita menangani krisis ekonomi jauh berbeza daripada Argentina atau mana-mana negara yang menerima bantuan IMF.

Pertama sekali, kita semua maklum negara kita menolak campur tangan IMF walaupun bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sangat intim dengan Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus dan setuju dengan kaedah-kaedah tabung itu.

Kedua, kita menolak IMF kerana kita tahu kebebasan dan maruah kita sebagai negara merdeka akan tercemar jika kita meminta campur tangan asing. Inilah yang berlaku di Indonesia sehingga negara itu porak-peranda dan berpecah-belah.

Indonesia yang pada suatu waktu dulu begitu bangga dengan semangat kebangsaannya dan dicontohi pula oleh banyak negara, kini terpaksa

menerima apa saja yang disyaratkan oleh IMF, Amerika Syarikat dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ketiga, Malaysia mampu mengatakan "tidak" kepada IMF dan seterusnya melaksanakan dasar kawalan terhadap modal walaupun ditentang hebat oleh Barat, kerana ia mempunyai simpanan luar yang kukuh dan asas ekonomi yang kuat.

Macam kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dia tidak menggalakkan negara lain mencontohi dasar kawalan modal Malaysia melainkan mereka mempunyai simpanan asing yang banyak.

Sejak dasar itu dilaksanakan September tahun lalu dan berakhir Rabu lepas, rizab luar Malaysia meningkat daripada AS\$20 bilion kepada AS\$32 bilion, lebih tinggi daripada rizab Indonesia yang lebih besar wilayah dan penduduknya.

Keempat, Malaysia mampu menolak campur tangan IMF dan melaksanakan dasar kawalan modal kerana mempunyai kadar simpanan yang tinggi iaitu melebihi 40 peratus keluaran dalam negara kasar. Malaysia juga menerima pelaburan terus asing yang banyak.

Jadi, Malaysia tidaklah terlalu bergantung kepada pengaliran modal jangka pendek melalui pasaran saham.

Lagipun, tidak seperti Indonesia, Malaysia sudah lama tidak menerima bantuan luar seperti daripada Amerika Syarikat atau Bank Dunia. Kebanyakan pinjaman Malaysia adalah oleh sektor swasta dan diperoleh daripada bank-bank asing.

Malangnya, oleh kerana tidak semua orang faham pengurusan ekonomi atau berminat membaca laporan mengenainya, maka mudahlah pihak yang berkepentingan memesongkan mereka dengan membuat pelbagai tuduhan terhadap kerajaan.

Hakikatnya badan-badan pelaburan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Permodalan Nasional Bhd (PNB) berpeluang membuat keuntungan modal yang tinggi dengan membeli saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur pada harga rendah ketika krisis ekonomi dan menjualnya sewaktu pasaran naik baru-baru ini.

Dengan itu KWSP dan PNB mampu mengekalkan atau memperbaiki dividen kepada pencarum dan pelabur walaupun untuk setahun lebih negara mengalami kegawatan ekonomi.

Kalaulah benar berlaku penyelewengan besar-besaran seperti yang didakwa pembangkang, tentulah ekonomi kita tidak pulih dan pelabur asing akan mengeluarkan berbilion-bilion duit mereka apabila kawalan modal berakhir Rabu lalu.

Tetapi kita semua maklum, daripada puluhan bilion dolar Amerika modal asing yang diramal akan meninggalkan Malaysia, tak sampai setengah bilion pun dibawa keluar.

Pembangkang tentulah tidak suka kepada berita baik ini kerana ia memalapkan harapan mereka menjatuhkan kerajaan dalam pilihan raya akan datang.

(END)